



# PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 16 Tahun 2020

## PEKELILING PEMANTAPAN PENGOPERASIAN FUNGSI WAKIL BAHAGIAN TRANSFORMASI UNIVERSITI DI FAKULTI, KAMPUS DAN JABATAN

### 1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pemantapan Pengoperasian Wakil Bahagian Transformasi Universiti (BTU) di Fakulti, Kampus dan Jabatan.

### 2.0 DEFINASI

“BTU” bermaksud Bahagian Transformasi Universiti.

“MEU” bermaksud Majlis Eksekutif Universiti

“MPK” bermaksud Mesyuarat Pengurusan Kanan

“KPI” bermaksud *Key Performance Indicator* atau Petunjuk Prestasi Utama

“PI” bermaksud *Performance Indicator* atau Petunjuk Prestasi

“Mesyuarat Pengurusan Tertinggi” bermaksud mesyuarat yang paling utama di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dikenali sebagai Mesyuarat Pengurusan Eksekutif atau Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif atau dengan apa-apa nama yang memainkan peranan sebagai pembuat dan perancang sebarang keputusan utama di Pusat Tanggungjawab (PTJ)

“PSTU” bermaksud Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti

### **3.0 LATAR BELAKANG**

- 3.1 Proses pengumpulan data bagi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) adalah sebanyak empat (4) kali setahun. Pengoperasian di peringkat Fakulti dan Kampus adalah dilaksanakan oleh seorang Penyelaras yang dilantik oleh Dekan dan Rektor. Selari dengan perkembangan terbaru UiTM di bawah Pelan Strategik UiTM2025, maka skop tugas bagi wakil BTU di Fakulti, Kampus dan Jabatan perlu disesuaikan di bawah skop strategik dan transformasi yang lebih berkesan bagi memastikan sasaran universiti tercapai.
  - 3.2 Oleh yang demikian, terdapat keperluan bagi memantapkan lantikan ini melalui penjenamaan jawatan, pemerksaan fungsi dan skop tugas serta penambahbaikan Amanah Tugasan Pensyarah (ATP) dan Kontek Syarahan (KS) bagi memastikan keberkesanan lantikan Penyelaras di bawah Fakulti, Kampus dan Jabatan.
  - 3.3 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 13/2020 bertarikh 6 Mei 2020 telah meluluskan pemantapan fungsi wakil Bahagian Transformasi Universiti (BTU) di fakulti, kampus dan jabatan.
- ### **4.0 PELAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PETUNJUK PRESTASI (PI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

- 4.1 Sebanyak 21 KPI dan 125 PI berserta sasaran tahunan telah diperturunkan daripada Pengarah Peneraju yang terdiri daripada Ahli Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti, kepada Pelaksana yang terdiri daripada Dekan Fakulti, Rektor Kampus dan Pengarah-Pengarah Jabatan yang terlibat. Proses pengoperasian pelaporan pencapaian KPI dan PI ke dalam sistem UePMO adalah berdasarkan ketetapan yang berikut:
  - 4.1.1 Pelaporan oleh Pelaksana adalah pada **1-5 haribulan pada setiap bulan**;
  - 4.1.2 Pengesahan pelaporan oleh Pengarah Peneraju adalah pada **6-10 haribulan setiap bulan**;

4.1.3 Pelaporan kepada semua Ahli MEU dan Ahli Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) akan dilaksanakan pada **setiap suku tahun**.

## 5.0 KETETAPAN PENJENAMAAN DAN PEMERKASAAN JAWATAN

- 5.1 Nama jawatan baharu adalah **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU)**;
- 5.2 Lantikan bagi jawatan PSTU adalah daripada Naib Canselor dan melapor terus kepada Dekan/Rektor (dengan itu membatalkan surat 500-CSPI (PT.23/4/6) bertarikh 22 Februari 2018)
- 5.3 Menjadi **Ahli Turut Hadir** di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- 5.4 Agenda Strategik dan Transformasi Universiti perlulah dijadikan **agenda tetap** di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- 5.5 Penyandang bagi jawatan ini adalah sebagai **Pentadbir Akademik**.
- 5.6 Penyandang jawatan PSTU bagi staf akademik ini akan menerima ATS sebanyak 12 jam dan diletakkan di bawah **Trek Kepimpinan Institusi** (rujuk Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bilangan 5 Tahun 2017)

## 6.0 PEMERKASAAN SKOP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PSTU

- 6.1 Bertanggungjawab terhadap Ketua Jabatan (Dekan/ Rektor/ Pengarah/ Pengarah Peneraju) terhadap penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) yang diperturunkan;
- 6.2 Berperanan secara berkesan dalam komunikasi perantara Fakulti/ Kampus/ Jabatan dan Bahagian Transformasi Universiti dari masa ke semasa;

- 6.3 Merancang penyelarasan pelaporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) dengan semua pemegang data di bawah Fakulti/Kampus/ Jabatan mengikut keperluan;
- 6.4 Membantu Dekan/ Rektor untuk menyelaras strategi/perancangan yang ditetapkan oleh Dekan/ Rektor kepada semua Pengurusan Eksekutif berdasarkan Pelan Strategik UiTM2025;
- 6.5 Memberi pandangan dan nasihat kepada Dekan/ Rektor dalam pembuatan keputusan berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) semasa;
- 6.6 Menjadi Ahli Turut Hadir di dalam Mesyuarat Eksekutif di peringkat Fakulti/Kampus/ Jabatan.

## 7.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 03 Jun 2020

## 8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari 03 Jun 2020



**PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan kepada:*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Cawangan*

Bil Fail: 100-BTU(PT.6/7/2)  
No. Siri: 100-Uitm (NC.6/2) 16